

CNS0478

R GB 14-05 00192 BB809

bah

Mahathir - Bosnia

JEPUN BOLEH BANTU HENTIKAN PEMBUNUHAN DI BOSNIA, KATA DR MAHATHIR

Daripada K.C.Leong

I

TOKYO, 14 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa Jepun melakukan apa sahaja yang boleh untuk mempengaruhi negara-negara Barat mengambil tindakan berkesan terhadap keadaan di Bosnia bagi menghentikan kekejaman dan pembunuhan di negara itu.

Jepun harus melakukan apa sahaja untuk mengemukakan pandangan positif mengenai isu itu pada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya tindakan berkesan boleh diambil terutama negara-negara Barat yang mendakwa memperjuangkan hak asasi manusia, katanya kepada para wartawan Malaysia di sini.

Isu Bosnia adalah antara perkara yang ditimbulkan dalam perbincangan dengan Perdana Menteri Jepun Kiichi Miyazawa petang semalam, katanya.

Dr Mahathir berada di sini menghadiri dan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan antarabangsa mengenai " Peranan Asia Dalam Menukar Orde Dunia".

Jepun bukanlah anggota tetap Majlis Keselamatan PBB dan Perdana Menteri berkata Malaysia telah menyokong keanggotaan Jepun dalam majlis itu dengan harapan Jepun memainkan peranan bukan hanya terhadap isu berhubung perdagangan dan Asia Timur tetapi juga menumpukan kepada hal ehwal dunia.

-- Lagi

▼14/05/12-44MST

CNS0495

R GB 14-05 00185 BB810

bah

Mahathir - Bosnia 2 Tokyo

"Dan Bosnia adalah masalah antarabangsa," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam pertemuannya dengan Miyazawa, beliau telah meminta pandangan Jepun mengenai keadaan di Bosnia dan merayu Jepun menunjukkan minat yang lebih mendalam terhadap negara Balkan itu yang peperangan kaum semakin meningkat setelah perpecahan negara bekas Yugoslavia.

Beliau berkata mereka juga membincangkan keadaan di Kemboja dan pilihan raya yang dikelolakan oleh PBB pada bulan ini walaupun ia diancam dengan penarikan diri Khmer Rouge daripada proses itu.

Perdana Menteri berkata Miyazawa telah memberi jaminan bahawa Jepun berpegang kepada komitmennya melibatkan diri dalam isu Kemboja dan tidak akan menarik balik kontinjen pengaman di negara itu.

Ketika menjawab satu soalan, beliau berkata dengan menanggungkan pilihan raya daripada 23 kepada 28 Mei, tidak akan menyelesaikan masalah kerana ia tidak akan membuatkan Khmer Rouge lebih bekerjasama.

Kerajaan Jepun kini menghadapi tekanan politik termasuk daripada beberapa anggota Parti Liberal Demokratik, supaya menarik balik tentera daripada Pihak Berkuasa Peralihan PBB di Kemboja (UNTAC) berikutan pembunuhan anggota polis Jepun yang ditugaskan di Kemboja baru-baru ini. --
Lagi

▼14/05/13-01MST

^
CNS0499

R GB 14-05 00084 BB811

bah

Mahathir - Bosnia 3 (Akhir) Tokyo

Semasa ditanya mengenai peranan Putera Norodom Sihanouk, pengerusi Majlis Tertinggi Kebangsaan yang merangkumi ke empat-empat puak di Kemboja, Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa menyokong Sihanouk untuk memainkan peranan utama di Kemboja.

Beliau berharap Sihanouk tidak terlalu kecewa dengan ketidakhadiran Khmer Rouge pada mesyuarat Majlis tertinggi yang diadakan di Beijing baru-baru ini dan akan meneruskan usaha menarik penyertaan semua puak dalam mengembalikan kermanan di negara itu. -- Bernama

▼14/05/13-08MST